

IDEA DARI 1981 SAMPAI 2003

Antara amanat Dr. Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung UMNO sejak 22 tahun lalu

"SAYA bersyukur kerana kali ini bukan saja tidak ada calon yang benar-benar mahu bertanding tetapi calon untuk menguji pun tidak ada. Namun demikian tentulah ada ahli-ahli yang tidak menyokong pencalonan saya tetapi tidak berpeluang menyatakan pendirian mereka. Saya cedar dan insaf bahawa saya tidak mungkin dapat sokongan 100 peratus dan kesedaran ini akan menentukan saya tidak lupa daratan." - *Ucapan pada 1981*

"UMNO bukan sebarang parti. UMNO adalah parti yang memerintah, parti yang benar-benar boleh menjayakan perjuangan orang Islam Melayu. UMNO telah menjadi parti yang memelihara dan melindungi bangsa Malaysia dan negara Malaysia. Tidak ada tempat dalam UMNO bagi orang yang berpandangan cetek, yang cuma memikirkan kepentingan dirinya sahaja. Jika UMNO berjaya hingga kini, ini ialah disiplin yang terdapat di dalamnya, dan susunan hierarki kuasa yang tertib dan teratur. Janganlah kerana tamak beberapa orang pemimpin segala-gala yang dipupuk dan dibina selama 36 tahun ini dimusnahkan. Janganlah kerana tamak orang ini, orang Melayu, orang Islam, bangsa Malaysia dan negara Malaysia dihancurkan." - *Ucapan pada 1981*

"DALAM bidang ekonomi kejayaan kita amat berhad. Pencapaian sebanyak 18 peratus bagi kaum bumiputera dalam bidang ekonomi diperolehi kerana peranan agensi-agensi kerajaan. Sebilangan



kecil orang Melayu yang mencapai sedikit kejayaan bergantung semata-mata kepada perniagaan dengan kerajaan. Tanpa kerajaan, orang Melayu tidak dapat bersaing" - *Ucapan pada 1987*

"INGATLAH I tidak ada seorang pun daripada kita, termasuk saya sendiri, yang penting. Tidak ada seorang ahli UMNO atau pemimpin-pemimpin UMNO yang penting walau apa pun jawatan mereka. Yang penting ialah pertubuhan ini, UMNO, sebagai sebuah badan untuk mengubah nasib orang Melayu. Tanpa UMNO tidak ada satu pun yang boleh dibuat oleh sesiapa daripada kita, walau bagaimana bijak dan pintar orang itu." - *Ucapan pada 1987*

"RAMAI di Malaysia juga sudah menjadi pak turut. Bilakah mereka ini akan sedar bahawa Barat mungkin salah dan kita yang bukan dari Barat mungkin betul? Bilakah pihak ini akan berani berfikir sendiri tanpa dikongkong oleh Barat?" - *Ucapan pada 1990*

"TETAPI tanda-tanda to-

koh-tokoh dalam UMNO sudah lupa akan falsafah dan perjuangan UMNO sudah menjadi semakin ketara. Tradisi yang memainkan peranan yang amat penting dalam pengekalannya dan kejayaan parti, sekarang ini tidak begitu didokong sepenuhnya lagi. Sebaliknya yang ditekankan ialah demokrasi semata-mata, atau peluang-peluang melalui amalan demokrasi." - *Ucapan pada 1990*

"UMNO dahulu memilih Majlis Tertinggi tiap-tiap tahun tanpa banyak masalah besar. Sekarang pemilihan diadakan tiga tahun sekali dan bermacam-macam penyakit menyerang UMNO. Yang bertanding kadang-kadang lupa memikirkan tentang apa yang baik bagi UMNO, tetapi apa caranya yang boleh memberi kemenangan." - *Ucapan pada 1990*

"MENURUT mereka (akhbar-akhbar Barat), syarikat-syarikat dan bank-bank di Asia sudah seperti ikan mati yang timbul dengan perut ke atas atau belly-up. Mereka hanya perlu pilih dan kutip dan yang lain boleh dibiarkan mati." - *Ucapan pada 1998*

"YANG sedihnya ialah kita semua akan menjadi hamba orang asing yang bermaharajalela di negara kita apabila meminta bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang membolehkan mereka berniaga di negara ini tanpa perlu apa-apa penyertaan rakyat tempatan." - *Ucapan pada 1998*

"JIM mereka tidak berjaya setelah diberi peluang berkali-kali, setelah dibantu dengan pelbagai kemudahan dan juga wang, sebabnya ialah (di sini saya pohon ampun dan maaf daripada orang Melayu) kerana mereka tidak rajin iaitu mereka malas dan suka kepada jalan yang mudah dan cepat, tidak kira apa akibatnya. Sesungguhnya saya berasa amat malu menyatakan semua ini terutama di hadapan orang lain, di hadapan seluruh negara, di hadapan dunia." - *Ucapan pada 2002*

"TETAPI yang lebih saya rasai ialah kekecewaan-kekecewaan kerana sedikit sangat hasil yang saya dapati daripada tugas saya yang utama - tugas untuk menjadikan bangsa saya bangsa yang maju, bangsa yang dihormati, bangsa yang bermaruah tinggi, bangsa yang mulia." - *Ucapan pada 2002*

"HARI ini, semangat kebangsaan mereka (orang Melayu) sudah luntur dan kemampuan mereka menghadapi cabaran sudah menurun. Kalau hari ini mereka dijajah kemampuan mereka untuk melawan penjajah tidak boleh dijamin." - *Ucapan pada 2002*. □